

08 OCT 1996

Mahathir-Kriteria

UMNO GUNA TIGA SUMBER UNTUK KESAN CALON LANGGAR ETIKA

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Jawatankuasa Khas yang dipengerusikannya menggunakan tiga kriteria dalam memutuskan aduan terhadap calon-calon yang terlibat dalam politik wang, salahguna kuasa dan berkempen.

Katanya, cara demikian diambil daripada taktik yang digunakan dalam mengesan kegiatan pengganas sewaktu darurat dahulu yang didapati amat berkesan.

"Jika ketiga-tiga punca berasingan memberi jawapan yang sama kepada tuduhan yang dibuat, kita anggap tuduhan itu adalah sah," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Majlis Presiden di PWTC petang ini menjelang perhimpunan agung UMNO esok. Beliau bagaimanapun enggan menyebut punca yang dimaksudkan.

Menjawab soalan sama ada masa depan calon-calon yang digugurkan itu terjejas, khususnya di peringkat negeri, Dr Mahathir menjelaskan: "Hakikatnya mereka yang kita gugurkan masih tidak dilarang untuk bertanding di masa depan."

Katanya, cuma diharapkan mereka yang berkenaan akan berubah sikap dan tidak hanya mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan maruah parti dan bangsa kerana masa depan mereka belum berakhir.

Dr Mahathir tidak menafikan kemungkinan berlakunya penganiayaan, tetapi malangnya orang yang benar-benar melakukan perbuatan curang itu tidak dapat diambil tindakan kerana kurang bukti.

Beliau berkata: "Selepas mesyuarat kalau ada bukti kita akan ambil tindakan juga, dan jawatannya akan dikosongkan sekiranya didapati seseorang itu menang kerana melakukan curang."

Katanya, apa jua pendekatan diambil tidak semua akan bersetuju.

"Sebab itu saya merayu kepada perwakilan supaya menolak calon yang curang itu kerana mereka tahu orang yang menghulur wang sedangkan kita tak tahu," katanya.

Dr Mahathir berkata perwakilan juga ada yang "ganas" kerana ada yang berani mengugut calon memberikan sesuatu untuk diundi hingga menyebabkan ada calon yang menyembunyikan diri.

Ditanya sama ada UMNO menerima aduan baru, beliau berkata jawatankuasa itu ada menerima maklumat terbaru, tetapi masih belum dapat disahkan.

Katanya memandangkan masa terlalu singkat, jawatankuasa itu telah memberi mandat kepada beliau dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membuat keputusan tanpa memerlukan mesyuarat jawatankuasa. -- BERNAMA

ZAB SJA OBA